

BAB II

BIOGRAFI TOKOH

A. Biografi Imam Syafie

1. Nama, sejarah dan tempat lahir

Imam Syafie merupakan salah seorang pelopor mazhab dari empat mazhab utama umat Islam yang dikenal sebagai Mazhab Syafie. Nama lengkap Imam Syafie ialah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafie bin Saib bin Abi Yazid Ubaid bin Hasyim bin al-Muttalib bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab. Imam Syafie masih keturunan jauh dari Rasulullah SAW. Silsilah nasabnya bertemu dengan datuk Rasulullah SAW, yaitu Abdul Manaf¹.

Imam Syafie dilahirkan di Ghazzah yaitu satu bandar yang terletak di dalam daerah Asqalan di selatan Palestin. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijriah bersamaan tahun 767 Masehi². Imam Syafie dilahirkan pada tahun meninggalnya Imam Hanafi iaitu salah seorang lagi pelopor mazhab yang empat. Selain dari julukan Imam Syafie, gelaran lain Imam Syafie ialah Abu Abdullah³.

Walaupun Imam Syafie dilahirkan di Palestin, Palestin bukanlah negeri asal kedua ibu bapanya. Kedua ibu bapanya berasal dari Kota Makkah. Ibu Imam Syafie bernama Fatimah binti Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abi Talib, masih dari nasab keturunan Rasulullah SAW. Sebab itu, tidaklah aneh

¹Tarikuddin bin Haji Hassan, *Riwayat Hidup 4 Imam Mazhab*, (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2006), Cet. Ketiga, h. 233.

²*Ibid*, h. 228.

³*Ibid*, h. 234.

apabila Imam Syafie sangat-sangat menyintai keluarga Rasulullah SAW dari Siti Fatimah az-Zahra'⁴.

2. Bidang pengajian dan guru-gurunya

Sejak dari mula dilahirkan, Imam Syafie diasuh oleh ibunya di Ghazzah. Setelah berusia 2 tahun, barulah Imam Syafie dibawa oleh ibunya pulang ke kampung asalnya iaitu di Kota Makkah. Ibunya kembali tinggal di rumah peninggalan suaminya yaitu di sebuah kampung yang bernama Sya'b al-Khaif⁵.

Sedari kecil, ibunya telah menghantar Imam Syafie belajar al-Quran daripada seorang ulama besar ahli qiraat di Kota Makkah bernama Imam Abu Ali Ismail bin Qastatin. Hasil pengajian dengan imam tersebut, dalam usia 7 tahun, Imam Syafie telah menghafal seluruh al-Quran. Setelah menamatkan pengajian ilmu qiraat dan al-Quran, Imam Syafie dihantar pula oleh ibunya ke sebuah perkampungan orang-orang Badwi suku Huzail di kawasan pergunungan. Tujuan ibunya menghantar ke perkampungan itu bagi mempelajari bahasa Arab dari Bani Huzail kerana bahasa Arab mereka masih asli dan murni serta mempelajari pula ilmu kesusasteraan mereka yang amat tinggi dan elok termasuk syair-syair Arab yang indah. Kabilah badwi Bani Huzail ini adalah satu-satu suku Arab Badwi yang masih murni bahasa Arab mereka kerana tidak diresapi pengaruh bahasa-bahasa asing seperti bahasa Yahudi, Farsi, Habsyi dan Rom. Di perkampungan itu juga Imam Syafie belajar ilmu memanah dan melihat kaedah menunggang kuda

⁴*Ibid*, h. 234.

⁵*Ibid*, h. 236.

sehingga menjadi seorang ahli panah yang mahir dan menunggang kuda dengan cekap⁶.

Imam Syafie mempelajari ilmu syair dengan bersungguh-sungguh sehingga menyebabkan ahli Hadits mencela dan mengutuk Imam Syafie karena ilmu syair bagi mereka tidak memberi manfaat kepada agama. Imam Syafie juga telah menghafal syair dari penyair Jahiliyyah al-Syanfara yang telah menambah lagi celaan golongan ahli Hadits terhadap dirinya. Walaupun Imam Syafie telah menghafal semua jenis syair yang ternama termasuk syair jahiliyyah, namun dia tetap berpegang kepada prinsip nilai moral Islam dalam pengucapan syairnya. Bagi Imam Syafie, kesemua ilmu itu merupakan keperluan bagi seorang ulama fiqih untuk memahami prinsip-prinsip dan nilai keilmuan. Selama tinggal dengan orang-orang badwi Bani Huzail, Imam Syafie telah menghafal dari mereka itu sebanyak 10,000 bait syair tanpa sedikitpun tersalah di dalam nada penyebutan dan butir-butir kalimah⁷.

Di Kota Makkah, Imam Syafie telah mula belajar ilmu fiqih dengan menghadiri majlis ilmu yang diajar oleh Mufti Kota Makkah pada masa itu yaitu Imam Muslim bin Khalid al-Zinji. Imam Syafie bersungguh-sungguh mendalami ilmu fiqih dari Imam Muslim dan dia benar-benar mahir dan menjadi ahli dalam ilmu fiqih sehingga dia diberi izin oleh gurunya itu untuk member fatwa kepada orang ramai ketika umurnya baru mencapai 15 tahun⁸.

⁶*Ibid*, h. 237.

⁷*Ibid*, h. 239.

⁸Wahbah al-Zuhaily, *Fiqih Islam Wa Adillatuhu*, alih bahasa oleh Abdul Hayyie al-Kattani (Jakarta: Gema Insani, 2011), Cet. Kedua, Jilid 1, h. 44.

Setelah selesai mempelajari ilmu fiqih dari Imam Muslim, Imam Syafie mempelajari ilmu tafsir al-Quran dan ilmu hadits dari seorang ulama hadits yang paling ahli di Kota Makkah pada masa itu yang bernama Imam Sufyan bin Uyainah. Kemudian Imam Syafie mempelajari ilmu tajwid dan al-Quran dari seorang ulama besar di dalam ilmu tajwid bernama Imam Abu Ali Ismail bin Qastatin. Imam Abu Ali Ismail juga merupakan seorang ahli qiraat yang terkemuka di Kota Makkah. Penguasaan ilmu al-Quran dan tajwid oleh Imam Syafie begitu kukuh sehingga pada usia 7 tahun telah selesai menghafal 30 juzu' al-Quran⁹.

Setelah belajar di Kota Makkah selama kira-kira hampir 10 tahun dan diakui alim oleh para ulama Makkah sehingga dibenarkan untuk mengeluarkan fatwa, Imam Syafie mula berhijrah ke Madinah karena alim ulama di Kota Makkah sudah habis didampinginya. Ketika mahu menjejaki ulama Madinah, usia Imam Syafie pada ketika itu sudah mencapai 20 tahun¹⁰. Ketika di Madinah, Imam Syafie menjadi murid kepada Imam Malik bin Anas. Dia belajar dan menghafal kitab *al-Muwaththa'* hanya dalam masa Sembilan malam saja¹¹.

Imam Syafie pergi ke Yaman, kemudian ke Baghdad pada tahun 182 H dan ke Baghdad untuk kedua kalinya pada tahun 195 H. Imam Ahmad bin Hanbal bertemu dengan Imam Syafie semasa di Baghdad yang sebelumnya bertemu pada tahun 187 H ketika di Makkah¹².

⁹Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 327.

¹⁰*Ibid*, h. 241.

¹¹Wahbah al-Zuhaily, *loc.cit.*

¹²*Ibid*.

Guru-guru Imam Syafie semasa di Kota Makkah disenaraikan sebagai berikut;

a) Imam Sufyan bin Uyainah.

Imam Sufyan bin Uyainah ialah ulama besar di Kota Makkah. Nama lengkapnya ialah Sufyan bin Uyainah bin Abi Imran Maimun al-Hilali al-Kufi. Gelarannya ialah Abu Muhammad. Imam Sufyan merupakan seorang yang sangat alim dan mahir di dalam ilmu hadits, bahkan seorang yang amat ahli di dalam ilmu tafsir dan fiqh sehingga menjadi seorang pengasas mazhab di Kota Makkah. Mazhab Imam Sufyan dikenali sebagai Mazhab Ibnu Uyainah. Mazhab ini tidak kekal lama karena munculnya mazhab-mazhab lain yang lebih banyak diikuti masyarakat ramai kemudiannya terutama mazhab yang empat. Imam Sufyan adalah ulama dari generasi tabi' tabien dan merupakan sahabat kepada Imam Malik di Madinah¹³.

b) Imam Muslim bin Khalid al-Zinji

Imam Muslim merupakan mufti Kota Makkah di zaman Khalifah al-Mahdi. Dia mengajar ilmu fiqh dan guru terkenal di dalam ilmu fiqh. Dia memberi keizinan kepada Imam Syafie untuk berfatwa karena kefasihan dan kehebatan yang ada pada Imam Syafie. Imam Muslim telah memberi surat kepada Imam Malik di Madinah untuk mengambil Imam Syafie sebagai anak muridnya¹⁴.

c) Imam Abu Ali Ismail bin Qastatin al-Makki

¹³Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 324.

¹⁴*Ibid*, h. 326.

Imam Abu Ali adalah ulama di dalam ilmu al-Quran dan tajwid. Melihat kepintaran dan kesusahan yang dialami Imam Syafie, Imam Abu Ali Ismail mengajar secara gratis kepada Imam Syafie. Imam Syafie pernah mengganti Imam Abi Ali Ismail ketika dia tiada di Kota Makkah¹⁵.

- d) Imam Saad bin Abi Salim al-Qaddah
- e) Imam Daud bin Abdur Rahman al-Athar
- f) Imam Abdul Hamid bin Abdul Aziz

Guru-guru Imam Syafie semasa di Madinah¹⁶;

- a) Imam Malik bin Anas
- b) Imam Ibrahim bin Saad al-Ansari
- c) Imam Abdul Aziz bin Muhammad al-Darwardi
- d) Imam Ibrahim bin Abi Yahya al-Asami
- e) Imam Muhammad bin Abi Said bin Abi Fudaik
- f) Imam Abdullah bin Nafi' al-Shaigh

Guru-guru Imam Syafie semasa di Iraq;

- a) Imam Waqi' bin Jarrah

Imam Waqi' ialah seorang ulama yang amat terkenal di Iraq. Imam Waqi' mempunyai ingatan yang amat kuat sehingga menakjubkan Imam Syafie. Apabila Imam Waqi' menghafal sesuatu, dia terpaksa menutup sebelah

¹⁵*Ibid*, h. 327.

¹⁶Muhammad Abu Zahrah, *Imam Syafi'i; Biografi Dan Pemikirannya Dalam Masalah Akidah, Politik Dan Fiqih*, alih bahasa oleh Abdul Syukur dan Ahmad Rivai Uthman (Jakarta: Penerbit Lentera, 2007), Cet. Pertama, h. 70.

lembaran yang lain karena tidak mahu mengganggu pembacaannya. Ini karena apabila dia melihat perkataan, terus sahaja perkataan tersebut melekat dalam ingatannya¹⁷.

- b) Imam Muhammad bin Hasan al-Syaibani
- c) Imam Abu Yusuf

Para guru Imam Syafie semasa di Yaman¹⁸;

- a) Imam Yahya bin Hasan
Seorang pengikut dan sahabat kepada Imam Laits bin Sa'ad.
- b) Imam Hisyam bin Abu Yusuf
Merupakan seorang Qadhi di Kota Shan'a
- c) Imam Umar bin Abi Salamah
Imam Umar adalah pengikut dan penyokong kuat Imam al-Auza'i. Imam Syafie telah dapat mengetahui fiqih Mazhab al-Aiza'i daripada Imam Umar.
- d) Imam Muttarif bin Mazin

Guru-guru Imam Syafie di Mesir¹⁹;

- a) Sayyidah Nafisah binti Hasan bin Zaid bin al-Hasan bin Ali
Sayyidah Nafisah merupakan keturunan Rasulullah SAW dan merupakan seorang yang amat alim di Mesir pada ketika itu mengalahkan kaum lelaki.

3. Murid-muridnya yang terkemuka

¹⁷Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 329.

¹⁸Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 71.

¹⁹Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 331.

Murid-murid Imam Syafie terdiri daripada penduduk di Makkah, Iraq dan Mesir kerana pada ketiga-tiga negeri ini menjadi tempat bagi dia menyebarkan mazhab atau pendapatnya. Imam Syafie mendapat murid yang ramai di serata tempat tetapi murid-murid yang setia dan bersungguh-sungguh menyebarkan mazhabnya ialah di ketiga-tiga negeri ini tidak seperti di tempat-tempat lain seperti di Yaman²⁰.

Murid-murid terkemuka Imam Syafie di Makkah;

a) Imam Abdullah bin Zubair al-Humaidi

Imam Syafie berdiam dan mengajar di Makkah selama lebih kurang 11 tahun. Selama 11 tahun, terlalu ramai murid Imam Syafie dari kalangan penduduk Makkah tetapi mazhab Imam Syafie tidak begitu tersebar luas di Makkah. Hanya Imam Abdullah yang bersungguh-sungguh berjuang menyebarkan mazhab Imam Syafie. Imam Abdullah tidak keluar berhijrah menuntut ilmu sebagaimana Imam Syafie kecuali hanya menumpukan pengajian dengan imam dan alim ulama sekitar kota Makkah. Imam Abdullah juga adalah anak murid Imam Sufyan bin Uyainah dan menuntut bersama-sama Imam Syafie belajar dari Imam Sufyan. Sehingga Imam Syafie keluar menuntut ilmu dan kembali semula ke kota Makkah, Imam Abdullah menjadi anak murid kepada Imam Syafie pula. Pada waktu itu, Imam Sufyan bin Uyainah masih lagi hidup dan terus mengajar pada usia 77 tahun. Imam Abdullah belajar dari Imam Syafie secara bersungguh-

²⁰Hafizah Dasuki, *Ensiklopedia Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), Cet. Pertama, Jilid 4, h. 334.

sungguh sehingga ketika Imam Syafie mahu berangkat ke Iraq pada tahun 198 hijrah, dia turut bersama Imam Syafie ke Iraq dan juga ke Mesir. Imam Abdullah tinggal di Mesir bersama-sama Imam Syafie sehingga Imam Syafie meninggal dunia sekitar tahun 204 hijrah. Selepas itu, barulah Imam Abdullah pulang semula ke kota Makkah dan mengembangkan mazhab Syafie sehingga meninggal dunia pada tahun 240 hijrah²¹.

Murid-murid terkemuka Imam Syafie di Iraq;

- a) Imam Ibrahim bin Khalid bin al-Yaman al-Kalbi (Imam Abu Thaur)
Sebelum kedatangan Imam Syafie ke Kota Baghdad, beliau belajar daripada para sahabat dan murid Imam Abu Hanifah dan mengikut fahaman mazhab itu. Tetapi setelah Imam Syafie datang, Imam Abu Thaur berpindah dan berguru kepada Imam Syafie serta mengikut mazhab Imam Syafie. Sungguhpun begitu, Imam Abu Thaur tidaklah mengikut sepenuhnya pendapat Imam Syafie kerana pada kemudiannya, Imam Abu Thaur berdiri mazhabnya sendiri di Iraq. Oleh kerana itu, dia bukanlah dikira sebagai pengikut Imam Syafie yang tulin. Imam Abu Thaur juga pernah berguru dengan Imam Sufyan bin Uyainah iaitu guru Imam Syafie²².
- b) Imam al-Hasan bin Muhammad al-Sabah al-Za'farani

²¹Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 334.

²²*Ibid*, h. 336.

Imam al-Hasan berasal dari dusun Za'faran dan kemudian berpindah ke Kota Baghdad. Dia juga merantau ke Kota Makkah dan menuntut ilmu juga daripada Imam Sufyan bin Uyainah. Belajar dari Imam Syafie apabila imam besar mazhab ini datang ke Kota Baghdad. Imam al-Hasan bukan dari keturunan bangsa Arab yang asli, tetapi lidahnya amat fasih berbahasa Arab sehingga Imam Syafie sendiri amat kagum padanya. Setelah Imam Syafie berpindah ke Mesir, dia mengambil alih tempat Imam Syafie di Iraq dan mempertahankan pendapat-pendapat qadim Imam Syafie sehingga menisbahkan semua pendapat-pendapat qadim Imam Syafie kepada dirinya sendiri. Imam Bukhari dan lain-lain imam hadits banyak mengambil riwayat hadits daripada beliau. Beliau meninggal dunia pada tahun 260 hijrah²³.

c) Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaibani

Imam Ahmad adalah murid yang amat disayangi oleh Imam Syafie. Namun di kemudian hari, Imam Ahmad berlepas diri dari pendapat atau mazhab Imam Syafie dan mendirikan mazhab sendiri yang terkenal dengan nama mazhab Hanbali²⁴.

d) Imam Abu Ali Husain bin Ali al-Karabisi

Sebelum kedatangan Imam Syafie, Imam Abu Ali Husain telah belajar daripada para murid dan sahabat Imam Hanafi serta mengikut mazhab itu. Setelah Imam Syafie datang ke Kota Baghdad, dia belajar pula daripada Imam Syafie terutama di dalam ilmu hadits dan fiqih dan kemudian

²³*Ibid*, h. 337.

²⁴Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 246.

terkenal sebagai seorang ahli fiqih. Kemasyhuran dan kemuliaan Imam Abu Ali Husain tergugat setelah dia berani menghentam dan mencerca Imam Hanbali. Sejak itu, kewibawaan Imam Abu Ali Husain di dalam ilmu hadits mula dipertikai orang karena pendapat-pendapatnya bercanggah dan berselisih dengan kebanyakan pendapat para ulama hadits. Imam Abu Ali Husain meninggal pada tahun 245 hijrah²⁵.

Murid-murid imam Syafie yang terkemuka di Mesir;

a) Imam Abu Ya'qub bin Yahya al-Buwaiti

Imam Abu Ya'qub adalah anak jati Mesir dan sebelum Imam Syafie sampai ke Mesir, dia menumpukan pengajiannya kepada murid Imam Malik yang terkemuka seperti Imam Abdullah bin Wahbin. Tetapi setelah Imam Syafie datang ke Mesir, Imam Abu Ya'qub terus berpindah kepada Imam Syafie dan menjadi salah seorang murid serta pengikut yang terkemuka dan ahli pula di dalam ilmu hadits dan fiqih. Ketika Imam Syafie masih hidup, Imam Abu Ya'qub telah diberi izin dan disuruh duduk oleh gurunya di kerusi fatwa. Setelah Imam Syafie meninggal dunia, orang ramai melantik Imam Abu Ya'qub menggantikan tempat Imam Syafie untuk memberi pelajaran dan fatwa berdasarkan wasiat Imam Syafie juga. Imam

²⁵ *Ibid*, h. 245.

Abu Ya'qub meninggal pada tahun 231 hijrah di dalam penjara di Kota Baghdad karena menentang pegangan bahawa al-Quran itu makhluk²⁶.

b) Imam Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzani

Imam al-Muzani amat dikasihi oleh Imam Syafie sehingga Imam Syafie memujinya dengan berkata tentang diri Imam al-Muzani, “al-Muzani pembela mazhabku”. Imam al-Muzani merupakan murid yang berusaha menyusun dan membuku kitab-kitab di dalam mazhab Syafie. Imam al-Muzani menjadi seorang ulama besar lagi terkemuka, maka di masa itu ramailah para ulama dan para pelajar yang datang belajar daripadanya dari berbagai-bagai negeri dan pelusuk kota seperti dari Makkah, Madinah, dan lain-lain. Sungguhpun Imam al-Muzani terkenal sebagai pembela dan pendokong mazhab Syafie, namun tidaklah dia berkeras mempertahankan mazhab atau pendapat fikiran Imam Syafie di dalam menghadapi persoalan-persoalan hukum. Justeru, Imam al-Muzani tetap merdeka berfikir di dalam memecahkan persoalan-persoalan sesuai dengan hakikat kejadian hukum yang wajar diputuskan. Imam al-Muzani meninggal dunia pada tahun 264 hijrah²⁷.

c) Imam al-Rabi' bin Sulaiman bin Abdul Jabbar al-Muradi

Imam al-Rabi' dilahirkan di Mesir pada tahun 174 hijrah. Ketika Imam Syafie sampai di Mesir, dia baru berusia 24 tahun. Oleh itu, Imam al-Rabi' terus berguru kepada Imam Syafie setelah beberapa tahun berguru kepada ulama-ulama lain yang terkemuka di Mesir pada masa itu seperti Imam

²⁶*Ibid*, h. 247.

²⁷Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 339.

Abdullah bin Abdul Hakkam dan Imam Ibnu Wahbin. Imam al-Rabi' amat tekun belajar daripada Imam Syafie sehingga dia menjadi seorang ulama besar yang disegani terutama di dalam bidang ilmu hadits dan fiqih. Imam Syafie amat sayang kepadanya karena kepintaran dan kecerdasan dan dia adalah salah seorang murid Imam Syafie yang mengajar kitab-kitab fiqih Imam Syafie kepada pelajar yang datang dari seluruh negeri termasuk Farsi, Khurasan dan lain-lain. Imam al-Rabi' meninggal pada usia yang lanjut iaitu 96 tahun pada tahun 270 hijrah²⁸.

d) Imam al-Rabi' bin Sulaiman bin Daud al-Ji'zi

Imam al-Rabi' adalah seorang murid Imam Syafie yang sangat akrab dengan gurunya. Waktu ketika Imam Syafie sedang tenat yang membawa kepada meninggalnya Imam Syafie, Imam al-Rabi' inilah yang telah duduk menjaga gurunya itu²⁹.

e) Imam Harmalah bin Yahya bin Abdullah al-Tujaibi

Dilahirkan pada tahun 166 hijrah. Usianya ketika mula belajar dari Imam Syafie dalam lingkungan 32 tahun. Pada waktu itu juga, Imam Harmalah sedang belajar ilmu hadits dan fiqih daripada para murid Imam Malik yang terkemuka iaitu Imam Ibnu Wahbin dan lain-lain. Apabila Imam Syafie sampai di Mesir, Imam Harmalah terus menumpukan pengajian kepada Imam Syafie sehingga menjadi seorang alim besar terutama di dalam ilmu hadits dan fiqih. Semasa belajar dengan Imam Ibnu Wahbin, Imam Harmalah telah menghafal sebanyak 10,000 hadits yang juga dihafal oleh

²⁸*Ibid*, h. 340.

²⁹Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 250.

Imam Ibnu Wahbin. Karena keahliannya di dalam bidang hadits, maka ramailah ulama hadits pada masa itu telah datang belajar kepadanya termasuklah Imam Muslim bin Hajjaj, Imam Ibnu Qutaibah, Imam Hasan bin Sufyan dan ramai lagi. Imam Harmalah juga telah menyusun kitab-kitab mazhab Syafie dan mengajar dengan sungguh-sungguh kepada orang ramai tentang pandangan dan mazhab Imam Syafie. Imam Harmalah meninggal pada tahun 243 hijrah ketika usia 77 tahun³⁰.

f) Imam Yunus bin Abdul A'la al-Sadafi

Imam Yunus dilahirkan di Mesir pada tahun 170 hijrah dan berusia 28 tahun ketika Imam Syafie sampai di Mesir. Di zaman remajanya, dia mula mempelajari ilmu hadits daripada ulama hadits di Kota Makkah yang juga merupakan guru kepada Imam Syafie iaitu Imam Sufyan bin Uyainah dan juga daripada Imam Ibnu Wahbin di Mesir dan lain-lain ulama. Imam Syafie selalu memuji Imam Yunus karena cerdas akal fikirannya dari kalangan muridnya di Mesir. Imam Yunus adalah salah seorang tokoh ulama mazhab Syafie di Mesir sepeninggalan Imam Syafie. Imam Yunus meninggal dunia pada tahun 264 hijrah ketika berusia 94 tahun³¹.

g) Imam Muhammad bin Abdullah bin Abdul Hakkam

Pada asalnya, Imam Muhammad ialah murid kepada Imam Malik. Ayahnya iaitu Imam Abdullah bin Abdul Hakkam ialah murid Imam Malik yang terkemuka. Orang Mesir menghormatinya dan mengakui bahwa tidak ada orang yang menyamainya. Imam Syafie sangat

³⁰Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 341.

³¹*Ibid*, h. 342.

mengasihinya dan sangat rapat dengannya. Imam Muhammad telah belajar kepada Imam Syafie apabila Imam Syafie berada di Mesir. Dia meninggalkan Mazhab Syafie dan kembali kepada Mazhab Malik, karena Imam Syafie tidak melantiknya sebagai pengganti untuk mengurus halaqahnya, juga karena mazhab ayahnya adalah Mazhab Malik. Imam Muhammad meninggal pada tahun 268 hijrah³².

h) Imam Ahmad bin Sibti bin Yahya al-Wazir al-Misri

Imam Ahmad dilahirkan pada tahun 171 hijrah di Mesir. Ini berarti dia lebih muda setahun daripada Imam Yunus bin Abdul A'la. Imam Ahmad telah belajar daripada Imam Ibnu Wahbin, Imam Syuaib bin Laith dan ulama-ulama lain sebelum kedatangan Imam Syafie. Dia lantas belajar dari Imam Syafie apabila Imam Syafie sampai di Mesir dan menjadi sangat alim terutama di dalam ilmu hadits dan fiqih. Imam Ahmad telah meninggal pada 251 hijrah dalam usia 80 tahun³³.

Demikianlah segelintir murid-murid Imam Syafie yang terkemuka, tetapi masih ramai lagi murid-muridnya yang bijak dan pandai. Mereka lantas menyebarkan pendapat atau mazhab Imam Syafie ke seluruh dunia sehingga mazhab Syafie telah menjadi pegangan oleh hampir sepertiga umat Islam di seluruh dunia termasuk Indonesia dan Malaysia.

³²Wahbah al-Zuhaily, *op.cit.*, h. 46.

³³Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 342.

4. Kitab dan risalah karangannya

Sebagai salah seorang ulama besar dan imam mazhab, Imam Syafie mempunyai dan menghasilkan beberapa buah kitab karangannya sendiri. Selain daripada mengajar dan menjadi guru kepada masyarakat Islam pada ketika itu, Imam Syafie juga meluangkan masa untuk mengarang kitab-kitab yang berisi pendapat dan hasil pemikirannya dari beragam ilmu pengetahuan terutama ilmu yang berkaitan dengan hukum hakam.

Kitab-kitab karangan Imam Syafie pada umumnya terbagi kepada dua bagian. Pertama ialah kitab Iraqi yaitu kitab-kitab yang dikarang semasa dia berada di Iraq. Yang kedua pula ialah kitab Misri yaitu kitab-kitab yang dikarang semasa dia menetap di Mesir. Kitab-kitab yang dikarang di Iraq dinamakan qaul qadim yaitu pendapat lama manakala kitab-kitab yang dikarang semasa di Mesir dinamakan qaul jadid yaitu pendapat baru. Qaul jadid adalah pendapat yang Imam Syafie akui dan mahu supaya pengikutnya menyebar kepada masyarakat³⁴.

Kitab-kitab Imam Syafie yang dikarangnya adalah seperti berikut:

a) Kitab al-Risalah

Tidak dapat dipastikan kapan Imam Syafie mengarang kitab ini. Jika menurut nama kitab ini menunjukkan bahwa ianya dikarang ketika Imam Syafie berada di Iraq karena al-Risalah berarti kiriman. Ini karena kitab ini dikirim oleh Imam Syafie yang berada di Iraq kepada orang yang meminta dia mengarangnya yaitu Imam Abdul Rahman bin Mahdi yang ketika itu berada di Makkah. Ada pula mengatakan bahwa kitab ini dikarang atas

³⁴*Ibid*, h. 345.

permintaan Imam Abdul Rahman bin Mahdi ketika Imam Syafie berada di Makkah. Kitab ini membicarakan tentang kaidah-kaidah bagaimana cara-cara untuk mengistinbat hukum dari sumber asli yaitu al-Quran dan Sunnah dan untuk beristidlal (mengambil dalil) dengan ijma' dan juga qiyas. Setelah selesai mengarang kitab ini, Imam Syafie telah menunjukkan kepada Imam Abdul Rahman bin Mahdi dan Imam Yahya bin Said. Sebaik sahaja melihat isi kitab ini, kedua-dua imam besar ahli hadits itu memuji akan keelokan cara karangannya serta lengkap isi-isi hujahnya. Kitab al-Risalah sampai kepada umat Islam sekarang adalah dari sanad murid Imam Syafie yang terkemuka yaitu Imam al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi³⁵.

b) Kitab al-Za'faran

Kitab ini adalah kitab yang mula-mula dikarang oleh Imam Syafie ketika berada di Iraq. Kitab ini tidak dikarang sepenuhnya oleh Imam Syafie karena ianya hanya berisi putusan-putusan dari pendapat Imam Syafie. Murid Imam Syafie di Iraq yaitu Hasan bin Muhammad al-Za'faran telah menyiapkan kitab ini. Oleh karena itu, kitab ini dinamakan al-Za'faran disebabkan anak murid yang menyiapkannya³⁶.

c) Kitab al-Umm

Ini adalah sebesar-besar kitab fiqh bagi mazhab Imam Syafie. Kitab al-Umm merupakan ibu daripada kitab-kitab yang dikarang Imam Syafie sebagai sumber rujukan kepada para pengikut mazhab Syafie. Kitab ini

³⁵*Ibid*, h. 345.

³⁶Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 261.

dikarang ketika Imam Syafie berada di Mesir. Kitab ini telah memperlihatkan kehandalan dan kealiman Imam Syafie di dalam ilmu fiqih dan mempunyai hujah yang kuat bagi pengikut Imam Syafie di dalam mempertahankan mazhab Syafie. Di dalam kitab ini Imam Syafie membahagikan perbincangan kepada beberapa bab yaitu bab *Jamiul Ilmi*, bab *Ibtalul Istihsan*, bab *al-Raddu ala Muhammad bin Hasan*, dan bab *Sijarul Auza'i*. Kitab ini pada dasarnya ditulis sendiri oleh Imam Syafie akan tetapi tidak semua isinya ditulis dengan tangannya sendiri. Ada sebahagiannya ditulis oleh muridnya dengan cara Imam Syafie yang membaca masalah-masalah serta jawabannya lalu muridnya menulis sebagai sebahagian daripada isi kitab itu³⁷.

d) Kitab Ikhtilaful Hadits

Sebuah kitab yang membicarakan tentang hadits-hadits yang bercanggah antara satu sama lain dan Imam Syafie telah membuat keterangan dan penjelasan tentang perselisihan hadits-hadits tersebut.

e) Kitab al-Musnad

Ini adalah kitab yang dikarang semata-mata berisi sanad hadits yang dimasukkan ke dalam kitab al-Umm³⁸.

Selain daripada itu, masih terdapat lagi beberapa buah kitab Imam Syafie tetapi bukan ditulis sendiri olehnya. Kitab-kitab ini ditulis oleh murid-muridnya

³⁷Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 347.

³⁸*Ibid*, h. 348.

yang mengambil ilmu dari pengajaran Imam Syafie dan menulisnya sehingga menjadi sebuah kitab. Kitab-kitab itu ialah³⁹:

a) Kitab Fiqih

Kitab ini disusun oleh muridnya yang bernama Harmalah bin Yahya.

b) Kitab al-Mukhtasarul Kabir

Disusun oleh muridnya yang bernama Yusuf bin Yahya al-Buwaiti.

c) Kitab al-Mukhtasarul Saghir

Kitab ini juga telah disusun oleh Yusuf bin Yahya al-Buwaiti.

d) Kitab al-Faraidh

Kitab yang juga disusun oleh Yusuf bin Yahya al-Buwaiti tentang harta pusaka.

e) Kitab al-Mukhtarul Kabir, al-Mukhtarul Saghir, Jamiul Kabir dan Jamiul Saghir.

Keempat-empat buah kitab ini semuanya telah ditulis dan disusun oleh Ismail bin Yahya al-Muzani.

B. Biografi Imam Hanbali

1. Nama, sejarah dan tempat lahir

Nama lengkap Imam Hanbali ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad bin Idris bin Abdullah bin Habban bin Abdullah bin Anas bin Auf bin Qasit bin Mazin bin Syaiban bin Zahal bin Tha'labah bin Akasyah bin Sha'ab bin Ali bin Bakar bin Wail bin Qasyid bin Hanab bin Aqsi bin Da'mi bin Jadilah

³⁹*Ibid*, h. 348.

bin Asad bin Rabiah bin Nizar bin Maad bin Adnan. Imam Hanbali bukan dari keturunan Arab Quraisy seperti Imam Syafie tetapi masih serumpun dengan keturunan Rasulullah SAW karena bertemu dengan Rasulullah SAW pada Nizar bin Maad, yaitu kakek Rasulullah SAW yang kelapan belas⁴⁰.

Imam Hanbali lahir di Kota Baghdad pada 20 haribulan Rabiul Awwal tahun 164 Hijriah bersamaan 780 Masehi pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah di bawah Khalifah Muhammad al-Mahdi⁴¹. Gelaran lain bagi Imam Hanbali ialah Abu Abdullah. Nama ibunya ialah Syafiah binti Maimunah binti Abdul Malik bin Sawadah bin Hindun asy-Syaibani dari kabilah bani Amir⁴².

2. Bidang pengajian dan guru-gurunya

Imam Ahmad membesar di kota kelahirannya iaitu di Kota Baghdad, ibu negeri Iraq. Sedari kecil lagi, Imam Ahmad sudah mahir di dalam ilmu al-Quran dengan hafalannya dan juga mahir di dalam ilmu bahasa Arab terutama di dalam ilmu tatabahasa atau nahu serta mahir mengarang. Sebelum mencapai usia aqil baligh, Imam Ahmad sudah menjadi pakar di dalam al-Quran dan bahasa Arab.

Setelah al-Quran berada di dalam jiwanya melalui hafalannya dan benar-benar mahir di dalam mengarang, Imam Ahmad telah mula mendatangi majlis para ulama di Kota Baghdad. Minat dan kesungguhannya untuk belajar amat

⁴⁰*Ibid*, h. 421.

⁴¹Hafizah Dasuki, *Ensiklopedia Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), Cet. Pertama, Jilid 2, h. 84.

⁴²Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 420.

mengkagumkan sehingga di awal waktu sebelum subuh, Imam Ahmad sudah terjaga dari tidurnya untuk keluar ke majlis gurunya pada saat itu⁴³.

Pada zaman Imam Ahmad, terdapat dua aliran di Kota Baghdad yang dulunya hanya kuat dan berpengaruh di Makkah dan Madinah yaitu aliran ahli hadits dan satu lagi aliran yang hanya kuat dan berpengaruh di Iraq yaitu aliran ahli aqal atau ahli ra'yi telah bertembung, bercantum dan bersepadu di Kota Baghdad. Namun dalam hal ini, Imam Ahmad lebih terpengaruh kepada aliran ahli hadits dan menjadi salah seorang pembelanya yang amat kuat.

Di awal pengajiannya, Imam Ahmad telah belajar daripada Imam Abu Yusuf yang begitu hebat di Kota Baghdad, dan dikatakan bahawa Imam Ahmad telah berusaha menghafal kitab-kitab mazhab Hanafi. Hanya beberapa bulan sahaja, dia mendapati dan mengikuti majlis Imam Husyaim bin Busyair al-Wasiti yang merupakan seorang ulama ahli hadits yang ternama di Kota Baghdad⁴⁴.

Sejak tahun 179 hijrah ketika berusia 15 tahun, Imam Ahmad bin Hanbal sudah mula mengumpul hadits dengan cara menulis dalam buku catitannya secara sedikit-sedikit. Setelah mencapai usia 16 tahun yaitu pada tahun 180 hijrah, Imam Ahmad mula mendatangi majlis-majlis para ulama hadits secara bersungguh-sungguh untuk mempelajari hadits dan fiqih. Imam Ahmad bukan sahaja hanya mendengar dan menghafal hadits-hadits yang dipelajarinya, tetapi dia telah menulis semua hadits-hadits itu di dalam sebuah buku⁴⁵.

Selain belajar ilmu hadits, Imam Ahmad juga memulakan pengajiannya di dalam berbagai-bagai bidang keilmuan agama seperti qiraat, sorof, balaghah, ilmu

⁴³*Ibid*, h. 425.

⁴⁴*Ibid*, h. 426.

⁴⁵Hafizah Dasuki, *op.cit.*, h. 85.

lughah, tasawuf, dan bermacam-macam ilmu lagi. Selain mempelajari bahasa Arab secara mendalam, dia juga telah mempelajari bahasa Farsi. Mengikuti sejarah, Imam Ahmad telah belajar daripada ulama-ulama di Iraq selama empat tahun, yaitu dari tahun 179 hingga ke tahun 183 hijrah. Kemudian itu, barulah Imam Ahmad mula berhijrah dan memulakan pengajian ke negeri-negeri atau kota-kota seluruh jazirah Arab⁴⁶.

Kota pertama yang disinggahi oleh Imam Ahmad ialah Kufah, yaitu kota tempat tinggal ramainya para ulama pengikut anak cucu Sayyidina Ali dengan isterinya Siti Fatimah. Semasa Imam Ahmad sampai di Kota Kufah pada tahun 183 hijrah, umurnya baru berusia 19 tahun. Imam Ahmad seterusnya merantau ke Kota Basrah pada tahun 186 hijrah. Kota Basrah ialah bandar dan tempat kediaman asal kakek dan neneknya. Hanya kira-kira setahun sahaja di Kota Basrah, Imam Ahmad meneruskan pengajiannya di Kota Makkah pada tahun 187 hijrah. Pada tahun ini, dia mengerjakan ibadah haji dan berjumpa dengan Imam Syafie yang mengajar di Masjidil Haram. Ketika itu, usianya 23 tahun⁴⁷.

Selain dari mengembara ke kota-kota tersebut, Imam Ahmad juga telah belajar ke provinsi-provinsi lain seperti Madinah, Yaman, Farsi dan tempat-tempat lain. Pada kebiasaannya, Imam Ahmad menetap di satu-satu tempat untuk belajar kepada seseorang ulama sekitar 6 bulan⁴⁸.

Imam Ahmad bin Hanbal merantau dan berhijrah mencari ilmu antara lain bertujuan untuk mengumpul hadits-hadits Nabi Muhammad SAW. Jika dia tidak keluar berhijrah mencari ilmu kepada para ulama serata pelusuk kota, maka tidak

⁴⁶Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 427.

⁴⁷*Ibid*, h. 430.

⁴⁸*Ibid*, h. 431.

mungkin dia dapat menghimpun dan mengumpul hadits-hadits yang amat banyak berpeccaran. Berlainan dengan Imam Malik dan Imam Hanafi, metodologi pencarian ilmu Imam Ahmad sebagaimana yang dilakukan juga oleh Imam Syafie. Pengembaraan Imam Ahmad ke seluruh Tanah Arab dan juga Farsi mengambil masa kira-kira 21 tahun yaitu bermula dari tahun 183 hijrah sehingga 204 hijrah pada umurnya mencecah 40 tahun. Apabila sampai umur sekitar 40 tahun, Imam Ahmad mula menumpu untuk mengajar dan menjadi guru⁴⁹.

Dapat diketahui bahwa Imam Ahmad bin Hanbal terlalu cinta terhadap ilmu hadits. Pencariannya kepada hadits-hadits Nabi SAW bermula seawal usia 15 tahun lagi. Selama dalam penghijrahan, Imam Ahmad telah berjaya mengumpul dan menghafal sebanyak 1 juta hadits di dalam kepalanya⁵⁰.

Para guru Imam Ahmad yang terkemuka dapat disenarai sebagai berikut;

a) Imam Husyaim bin Abi Hazim Busyair al-Wasiti

Imam Husyaim merupakan seorang ulama besar yang tinggal di Baghdad dan dilahirkan pada tahun 104 hijrah. Peribadi dan akhlak guru ini telah membuat Imam Ahmad amat tertarik dan menumpukan pengajian yang agak lama kepada ulama besar ini yaitu selama 4 tahun. Inilah guru yang paling lama Imam Ahmad belajar kepadanya dari ulama-ulama yang lain. Imam Husyaim mempunyai daya ingatan yang amat kuat sehingga dia mampu menghafal sebanyak 10,000 hadits. Imam Ahmad cuma mengambil 3,000 hadits sahaja dari imam ini. Imam Husyaim juga adalah

⁴⁹*Ibid*, h. 434.

⁵⁰Hafizah Dasuki, *loc.cit*.

seorang bekas murid kepada Imam Malik. Dia meninggal pada tahun 183 hijrah ketika berusia 79 tahun⁵¹.

b) Imam Abu Yusuf

Gurunya ini adalah salah seorang murid Imam Hanafi bahkan murid yang paling terkemuka. Imam Ahmad banyak mengambil hadits daripada Imam Abu Yusuf yang merupakan seorang ulama yang mulia dan amat tawadhu'. Ini ternyata apabila Imam Ahmad yaitu bekas muridnya menjadi seorang ulama hadits yang bijaksana, Imam Abu Yusuf tanpa segan silu telah menghadiri majlis ilmu Imam Ahmad dan duduk pula sebagai murid kepada anak muridnya itu⁵².

c) Imam Sufyan bin Uyainah

Imam Ahmad juga berguru dengan Imam Sufyan yang juga merupakan guru kepada Imam Syafie. Di sekitar bumi Makkah dan Madinah, ulama yang paling besar dan pandai di dalam bidang hadits hanyalah dua orang sahaja yaitu Imam Sufyan bin Uyainah di Makkah dan Imam Malik di Madinah. Imam Ahmad pada mulanya berhajat untuk berhijrah ke Madinah dan menuntut ilmu hadits dari Imam Malik. Namun sampai perkhabaran kepadanya dari Madinah bahwa Imam Malik sudah meninggal dunia. Peristiwa itu berlaku pada tahun 179 hijrah ketika usia Imam Ahmad baru 15 tahun⁵³.

d) Imam Syafie

⁵¹Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 447.

⁵²*Ibid*, h. 448.

⁵³*Ibid*, h. 449.

Imam Ahmad mula berkenalan dengan Imam Syafie ketika di Makkah waktu menunaikan fardhu haji pada tahun 187 hijrah ketika berumur 23 tahun. Pada waktu itu, Imam Syafie adalah salah seorang guru yang mengajar di Masjidil Haram. Setelah Imam Syafie pergi ke Baghdad untuk menyebarkan ilmu, Imam Ahmad sekali lagi telah mengambil kesempatan untuk berguru dengan imam besar bumi Hijaz ini. Ketika Imam Syafie hendak berpindah ke Mesir, dia mengajak Imam Ahmad untuk bersamanya ke Mesir tetapi Imam Ahmad menolak dan kedua-dua guru dan murid ini berpisah⁵⁴.

Selain daripada empat orang ulama besar yang disebutkan, Imam Ahmad juga berguru daripada ulama yang lain mengikut bidang masing-masing. Guru-guru lain Imam Ahmad seperti berikut⁵⁵:

- a) Imam Umar bin Abdullah bin Khalid
- b) Imam Abu Bakar bin Iyasyi
- c) Imam Ismail bin Aliyyah
- d) Imam Hammad bin Khalid
- e) Imam Mansur bin Salamah
- f) Imam Waki' bin Jarrah
- g) Imam Musa bin Tariq
- h) Imam Yazid bin Harun
- i) Imam Abdur Razzaq bin Humman

⁵⁴*Ibid*, h. 449.

⁵⁵*Ibid*, h. 450.

- j) Imam Yahya bin Qattan
- k) Imam Abdullah bin Nuwaimir
- l) Imam Muhammad bin Adi
- m) Imam Muhammad bin Yazid
- n) Imam Abu Usamah
- o) Imam Yahya bin Salim
- p) Imam Yahya bin Zaidah
- q) Imam Mu'tamar bin Sulaiman
- r) Imam Abdur Rahman bin Mahdi
- s) Imam Basyar bin al-Fadhal
- t) Imam Muzaffar bin Mudrik
- u) Imam Utsman bin Umar
- v) Imam Walid bin Sulaiman
- w) Imam Abi Masyar al-Dimisyqi
- x) Imam Ibnul Yaman
- y) Imam Ruh bin Ubaidah
- z) Imam Mu'awiyah al-Aziz

3. Murid-muridnya yang terkemuka

Sebagaimana ulama besar yang lain, maka tentunya Imam Ahmad mempunyai murid yang tidak sedikit jumlahnya. Mengikut sejarah di dalam riwayat hidup Imam Ahmad, dicatatkan lebih kurang 5,000 orang murid Imam

Ahmad di serata Tanah Arab. Namun dari jumlah itu, hanya seramai 500 orang sahaja murid-murid beliau yang unggul dan terkemuka serta gigih mencatat hadith-hadith yang dibaca oleh Imam Ahmad selaku guru mereka.

Selain daripada murid-murid yang belajar sejak dari kecil dan murid-murid yang datang belajar setelah belajar dari ulama yang lain, terdapat juga sebahagian murid Imam Ahmad yang sebenarnya gurunya tetapi kemudian telah mendatangi Imam Ahmad untuk belajar setelah Imam Ahmad mencapai derajat kealiman yang cukup tinggi. Mereka hadir ke dalam majlis Imam Ahmad untuk mempelajari hadith dan mengambil hadith yang diriwayatkan olehnya. Mereka yang dimaksudkan ialah Imam Abu Yusuf, Imam Ali bin al-Madini, Imam Yahya bin Mu'in, Imam Dahim al-Syami, Imam Abdul Razak bin Humman, Imam Hasan bin Musa dan Imam Syafie⁵⁶.

Berikut disenaraikan beberapa orang murid Imam Ahmad yang terkemuka;

a) Imam Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Asram

Muridnya ini terkenal dengan gelaran Imam Abu Bakar al-Asram. Merupakan seorang murid yang paling utama bagi Imam Ahmad karena dialah penyebar mazhab Hanbali ke tengah-tengah masyarakat. Dari segi pengajian, Imam al-Asram bukanlah murid asal Imam Ahmad karena dari usia remajanya telah belajar dari ulama yang lain di Kota Baghdad. Hanya setelah dewasa dan menjadi alim, barulah Imam al-Asram belajar kepada Imam Ahmad. Ini karena pada usia remajanya, Imam Ahmad belum lagi mengajar dan menjadi guru. Pada waktu itu, Imam Ahmad masih lagi belajar. Imam al-Asram amat tertarik dengan ilmu, keutamaan dan budi

⁵⁶*Ibid*, h. 509.

pekerti Imam Ahmad sehingga menjadi antara muridnya yang paling masyhur. Imam al-Asram belajar daripada Imam Ahmad sehingga dia menjadi benar-benar ahli dan mahir di dalam hukum-hakam dan pemikiran mazhab Hanbali. Dia telah mengarang sebuah kitab di dalam ilmu fiqh di atas mazhab Hnbali bernama 'al-Sunan' dan hampir setiap hokum yang dijelaskan di dalam kitab itu berdalilkan hadits. Imam al-Asram meninggal dunia pada tahun 273 hijrah⁵⁷.

- b) Ahmad bin Muhammad ibnu al-Hajjaj, Abu Bakar al-Marwadzi
- Merupakan murid Imam Ahmad yang terkemuka selepas Imam Abu Bakar al-Asram. Dia adalah seorang yang paling istimewa dan dekat dengan Imam Ahmad. Dia adalah imam dalam bidang fiqh dan hadits dan menghasilkan banyak penulisan. Telah mengarang dua buah kitab yang kedua-duanya bernama 'al-Sunan'. Satu daripada kitabnya merupakan kitab hadits dan sebuah lagi merupakan kitab fiqh yang membicarakan tentang masalah fiqh di dalam mazhab Hanbali. Jika golongan Hanbali menyebut nama Abu Bakar, maka yang dimaksudkan dengannya ialah al-Marwadzi. Dia meninggal pada tahun 274 hijrah⁵⁸.
- c) Salih bin Ahmad bin Hanbal
- Dia ialah anak Imam Ahmad bin Hanbal yang paling tertua. Dia dilahirkan pada tahun 203 hijrah ketika ayahnya berusia 39 tahun. Dia mempelajari ilmu fiqh dan hadits dari ayahnya dan juga dari para ulama lain pada zamannya. Walaupun Salih seorang yang alim dan salih, dia pernah

⁵⁷*Ibid*, h. 510.

⁵⁸Wahbah al-Zuhaily, *op.cit.*, h. 47.

dipulau oleh ayahnya dan ayahnya memutuskan hubungan dengannya karena dia dikatakan menerima pemberian khalifah termasuk sebuah rumah. Salih meninggal dunia pada tahun 266 ketika berusia 63 tahun⁵⁹.

d) Abdullah bin Ahmad bin Hanbal

Ini adalah anak kedua Imam Ahmad dari isterinya yang bernama Aisyah binti al-Fadhal. Abdullah merupakan seorang tokoh yang sangat berjasa di dalam menyebarkan mazhab ayahnya. Dia dilahirkan pada tahun 213 hijrah ketika usia ayahnya 49 tahun yaitu berbeza 10 tahun lebih muda daripada abangnya. Abdullah dididik oleh ayahnya dengan sempurna di dalam ilmu hadits berbanding anak yang lain sehingga dia mengembang dan meriwayatkan kitab Musnad karya ayahnya yang terbesar di dalam ilmu hadits. Abdullah meninggal dunia pada tahun 290 hijrah ketika berusia 77 tahun⁶⁰.

e) Abdul Malik bin Abdul Hamid bin Mahran al-Maimuni

Dia hidup bersama Imam Ahmad lebih dari 20 tahun dan amat menyayangi Imam Ahmad sehingga menumpukan perhatian penuh di dalam majlis Imam Ahmad terutamanya di dalam ilmu fiqih. Dia mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan sahabat Imam Ahmad. Dia meninggal pada tahun 274 hijrah⁶¹.

f) Ahmad bin Muhammad al-Marwaji

Seorang murid Imam Ahmad yang setia dan erat persahabatan dengan gurunya. Imam Ahmad al-Marwaji adalah satu-satunya murid Imam

⁵⁹*Ibid.*

⁶⁰Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 512.

⁶¹Wahbah al-Zuhaily, *loc.cit.*

Ahmad yang meriwayatkan kitab karangan gurunya itu yang bernama al-Warak kepada masyarakat sehingga diberi kepercayaan oleh Imam Ahmad karena kesetiiaannya di dalam memperjuangkan mazhab Hanbali. Setelah Imam Ahmad meninggal dunia, dia termasuk salah seorang murid yang amat gigih mengajar dan menyebarkan mazhab Hanbali. Pada ketika itulah, Imam Abu Bakar al-Khallal yang sedang mengumpulkan semua masalah-masalah Hanabilah dari para murid Imam Ahmad menemui Imam Ahmad al-Marwaji untuk diambil ilmunya dan dimuatkan ke dalam kitabnya.

g) Imam Harab bin Ismail al-Hanzali al-Kirmani

Imam Harab adalah murid Imam Ahmad yang paling berjasa di dalam mempelajari dan menyebarkan mazhab Hanbali walaupun sebelum itu dia belum pernah bersua dan belajar dari Imam Ahmad. Dia juga termasuk salah seorang murid Imam Ahmad yang paling alim dan dicari oleh Imam Abu Bakar al-Khallal untuk dimuat di dalam kitabnya. Tarikh meninggalnya pada 280 hijrah⁶².

h) Imam Ibrahim bin Ishak al-Harbi

Imam Ibrahim al-Harbi amat alim di dalam ilmu fiqh mazhab Hanbali dan juga amat pandai di dalam ilmu hadits dan lughah. Dia juga menghafal dan mengarang kitab hadits. Dia antara murid Imam Ahmad yang gigih mengajar dan menyebarkan mazhab Hanbali dan mengajar hadits-hadits dari kitab Musnad kepada masyarakat. Imam Ibrahim al-Harbi dikatakan belajar daripada Imam Ahmad selama 20 tahun dan menjadikan dia amat serasi dan faham akan dasar-dasar mazhab Hanbali. Dia juga sering

⁶²Tarikuddin bin Haji Hassan, *op.cit.*, h. 513.

memberi tumpuan dan mencontohi peribadi, akhlak dan kelakuan gurunya itu yang dianggapnya amat wara'. Di antara kitab karangan Imam Ibrahim al-Harbi adalah kitab Gharibul Hadits, kitab Dalailul Nubuwwah, kitab al-Manasik dan lain-lain lagi. Dia meninggal pada tahun 285 hijrah⁶³.

Ini adalah delapan orang murid Imam Ahmad yang paling masyhur dan besar jasanya di dalam mengembangkan mazhab Hanbali. Kedudukan mereka di sisi Imam Ahmad samalah seperti Imam al-Rabi' al-Muradi dan Imam al-Buwaiti di sisi Imam Syafie.

Selain dari itu, murid-murid Imam Ahmad bin Hanbal yang lain adalah⁶⁴;

- a) Imam Bukhari (pengarang kitab Shahih Bukhari)
- b) Imam Muslim bin Hajjaj (pengarang kitab Shahih Muslim)
- c) Imam Abu Daud
- d) Imam Abu Zur'ah al-Razi
- e) Imam Abu Zur'ah al-Dimasyqi
- f) Imam Ibnu Abi Dunia
- g) Imam Hanbal bin Ishak (anak saudaranya)

Selain daripada anak-anak murid Imam Ahmad yang disebutkan ini, ada seorang yang paling gigih mengembang mazhab Hanbali ke serata pelusuk dunia yang bukan daripada anak murid Imam Ahmad. Dia adalah Imam Abu Bakar al-Khallal. Namanya amat masyhur di kalangan Hanabilah. Imam Abu Bakar tidak

⁶³*Ibid*, h. 514.

⁶⁴*Ibid*, h. 515.

menjadi anak murid kepada Imam Ahmad karena dikatakan ketika dia baru dilahirkan atau masih kecil, Imam Ahmad sudah meninggal dunia. Oleh yang demikian, dia hanya sempat berguru kepada para murid Imam Ahmad sahaja dan berusaha mengembang mazhab Hanbali dengan mendampingi semua murid Imam Ahmad dengan usaha yang bersungguh-sungguh dengan tujuan dikumpulkan ke dalam kitab karangannya. Dia meninggal pada tahun 311 hijrah⁶⁵.

4. Kitab dan risalah karangannya

Diketahui di dunia Islam bahwa kitab yang dikarang oleh Imam Ahmad bin Hanbal hanyalah sebuah kitab hadits yang besar dan masyhur yaitu:

a) Kitab al-Musnad

Kitab al-Musnad adalah sebesar-besar kitab hadits yang telah disusun dan dikarang oleh Imam Ahmad. Dia menyusun kitab Musnad ini setelah mengunjungi serata pelusuk dan ceruk negeri. Setelah Imam Ahmad dapat memperoleh dan mengumpul hadits yang sebegitu banyak, maka dia merasakan perlu untuk dibukukan di dalam suatu kitab. Mengikut riwayat Imam Abu Zar'ah mengatakan bahwa Imam Ahmad telah menghafal sebanyak 1,000,000 hadits, manakala menurut anaknya yang bernama Abdullah mengatakan ayahnya telah menghafal sejumlah 10,000,000 hadits. Dari sejumlah banyak hadits itu, Imam Ahmad telah menyaring dan memasukkan ke dalam kitab Musnadnya itu cuma 40,000 buah hadits sahaja. Dari isi kitab yang telah dihasilkan ini menjadi sumber hukum kepada Imam Ahmad sendiri di dalam membina hukum mazhabnya. Cara

⁶⁵*Ibid*, h. 515.

Imam Ahmad menyusun hadits-hadits di dalam kitab ini ialah dengan mengikut nama sahabat utama yaitu Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali. Ditulis segala hadits dari riwayat Abu Bakar, maka apabila habis semua riwayatnya, maka hadits-hadits yang diriwayatkan oleh Umar pula. Semuanya disusun dan dijadikan bab-babnya. Dipercayai bahwa di dalam kitab Musnad ini terdapat banyak hadits-hadits yang tidak pernah ditemui oleh orang lain⁶⁶.

Mengikut sejarah, banyak lagi kitab yang telah disusun dan dikarang oleh Imam Ahmad. Berikut adalah kitab-kitab lain yang dikarang oleh Imam Ahmad⁶⁷;

- a) Kitab Tafsir al-Quran
- b) Kitab Nasikh wa Mansuh
- c) Kitab al-Muqaddam wal Muakhkhar fil Quran
- d) Kitab Jawabatul Quran
- e) Kitab al-Tarikh
- f) Kitab al-Manasikhul Kabir
- g) Kitab al-Manasikhus Saghir
- h) Kitab al-Taatur Rasul, Kitab al-Zuhd, Kitab al-Masail, Kitab al-Fadhil, Kitab al-Faraidh, Kitab al-Manasik, Kitab al-Iman, Kitab al-Asyribah, Kitab al-Ra'dul 'alal Jahmiyyah, Kitab al-Ilal, Kitab al-Waraki, Kitab al-Salah.

⁶⁶*Ibid*, h. 525.

⁶⁷*Ibid*, h. 524.

Selain dari yang di atas, banyak lagi kitab yang telah dikarang oleh Imam Ahmad akan tetapi tidak ditemui atau disebarkan kepada masyarakat umum. Sehingga ada dikatakan bahwa kitab-kitab yang telah dikarang oleh Imam Ahmad sampai sebanyak 12 muatan belakang unta. Ini terjadi karena kelebihan yang ada pada Imam Ahmad bin Hanbal yang terkenal sebagai ulama yang amat hebat ilmu mengarangnya⁶⁸.

⁶⁸*Ibid*, h. 524.